

26/04/2002

Teknik pengurusan berkesan

Reviewed by Mokhtar Yusof

Judul: Vision & Leadership: Values and Strategies

Towards Vision 2020

(Wawasan dan Kepemimpinan: Nilai dan Strategi Ke Arah Wawasan 2020)

Pengarang: Michael Yeoh

Penerbit: Pelanduk Publications

Tahun: 1995

Harga: RM59.00

Halaman: 133

MENERUSI 20 buah esei yang terkandung dalam buku ini pengarangnya cuba mengetengahkan konsep pengurusan yang paling berkesan berserta teknik, gaya dan helah (positif) yang perlu dilaksanakan bagi mencapai hasrat Wawasan 2020.

Penulisan ini bertujuan membangkitkan pemikiran strategik dan kreatif khususnya di kalangan pengurus korporat dan eksekutif berhubung apa yang perlu dilakukan agar organisasi mereka dapat bersaing dengan lebih efektif sepanjang dekad 90-an dan sesudahnya. Hanya secara memfokuskan kecemerlangan, kualiti, kreativiti dan produktiviti yang lebih tinggi saja baru boleh kita bersaing dengan lebih baik serta memperoleh keuntungan lebih besar untuk organisasi diwakili dan negara.

Apa yang ditekankan pengarang, sesebuah organisasi itu akan tenggelam jika tiada sistem pengurusan yang betul. Pengurusan itu pula sama ada baik atau buruk akan menentukan hala tuju sesebuah perniagaan yang dikendalikan.

Bertolak dari premis inilah pengarang merumuskan, jika kita benar-benar mahu menghadapi masa depan, kita hendaklah mampu meramal pelbagai kemungkinan masa depan itu sendiri dan melakukan segala persediaan yang secukupnya agar kita tidak ditelan oleh arus perubahan atau ketangkasan dan kelicikan pesaing kita baik di peringkat nasional mahupun global.

Oleh kerana Wawasan 2020 adalah satu perencanaan jangka masa panjang dan mengambil masa sekitar 30 tahun selepas ia diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, maka ternyata semakin ramai ahli perniagaan dan pengurus mula berfikir dan merencana dalam tempoh berkenaan. Ahli perniagaan kita tidak lagi berfikir bagi tempoh jangka masa pendek baik dari segi pengurusan mahupun keputusan membuat pelaburan.

Pengarang juga menegaskan, untuk benar-benar memastikan hasrat Wawasan 2020 itu tercapai, negara memerlukan lebih banyak mereka yang berwawasan jelas dan praktikal iaitu meliputi aspek politik perniagaan, pendidikan, profesion dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Persoalannya seperti diajukan pengarang, adakah pemimpin yang berwawasan itu boleh dilatih atau ia memang lahir secara semula jadi? Jawapan yang diberikan, semua pengurus berkebolehan muncul sebagai pemimpin yang berwawasan. Apa yang penting, mereka perlu kreatif dan inovatif serta benar-benar mengetahui kuasa tarikan di sebalik wawasan.

Apabila kebanyakan kita bergerak dengan penuh yakin untuk mencapai segala hasrat Wawasan 2020, perlu disedari terdapat nilai utama (core values) yang boleh bertindak sebagai pemandu kepada segala tindakan dan keputusan yang mahu dibuat. Perdana Menteri sendiri menggariskan empat nilai utama yang dimaksudkan itu iaitu; (i) kebolehan untuk hidup bersama dalam keadaan yang harmoni, (ii) keperluan memiliki sikap dan semangat yang betul untuk mencapai kecemerlangan (excellence), (iii) adanya keyakinan untuk memperolehi kejayaan dan (iv) nilai masyarakat Asia yang

selama ini kita pertahan dan amalkan iaitu bermoral, mengekalkan institusi kekeluargaan serta menghormati golongan yang lebih tua terutama ibu bapa sendiri.

Sementara itu, sebaik saja melangkah ke abad ke-21, kita perlu memikirkan apakah bentuk organisasi yang kita ingin. Bagaimana struktur perniagaan kita pada alaf berkenaan? Tidak kurang pentingnya juga apa pula strategi yang akan digunakan untuk memenuhi wawasan abad ke-21 itu? Kesemuanya ini memerlukan pemimpin yang berkebolehan menghadapi cabaran masa depan, yang tidak gentar untuk berubah serta berani mencuba sesuatu yang baru. Mereka perlu muncul sebagai pemikir yang strategik (strategic thinker) dan penyelesaian masalah.

Pengarang mengakhiri tulisannya dengan mengatakan, lazimnya pelaksanaan strategi yang lemah berpunca daripada tidak cukup latihan dan kurangnya kemahiran mereka yang terbabit dalam pelaksanaan pelan itu. Jadi, sewajarnya latihan dan pembangunan sumber manusia ditingkatkan jika sesebuah organisasi (perniagaan) itu mahu maju.

(END)